

Syarikat telekomunikasi diminta jangan bermusuhan

ALOR STAR, Khamis - Industri telekomunikasi negara memerlukan persaingan sehat dalam menghasilkan kecekapan, kualiti dan harga berpatutan supaya dapat dimanfaatkan oleh rakyat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata syarikat telekomunikasi di negara ini tidak seharusnya membunuh atau bermusuhan sesama mereka sehingga tenaga dan kedudukan kewangan semua pihak menjadi lemah.

"Persaingan bertujuan memastikan sektor perindustrian tidak dipenuhi dengan syarikat kerdil yang tidak akan membantu perkembangan yang diperlukan di zaman gergasi ini.

"Persaingan yang sehat

hanya boleh diwujudkan jika pesaing mempunyai cukup kekuatan dari segi kewangan dan tenaga manusia supaya boleh mempertingkatkan mutu dan teknologi industri.

"Justeru itu, pihak yang terbabit perlu menentukan hala tuju masing-masing ke arah suasana atau zaman persaingan jika kita mahu negara maju dan setanding negara perindustrian terkemuka," katanya ketika merasmikan upacara perletakan batu asas Menara Alor Star, di sini, hari ini.

Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff; Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid; Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali dan Pengerusi Eksekutif Telekom Malaysia, Tan Sri Dr Mohd Rashdan

Baba, hadir sama.

Apabila siap nanti, ia akan menjadi menara ke-18 tertinggi di dunia.

Dr Mahathir berkata, persaingan juga bertujuan memudahkan urusan atau mewujudkan pengkhususan yang akhirnya dapat menangani setiap permasalahan dengan bijak.

Oleh itu, katanya, beban perkembangan rangkaian telekomunikasi di negara ini mesti dikongsi bersama bagi memastikan hasil teknologi yang maju dan canggih tidak ketinggalan.

Menurutnya, sektor telekomunikasi di negara ini perlu seiringan dengan pertemuan teknologi baru, canggih dan terkini jika negara mahu maju.

"Sistem telekomunikasi yang meliputi rangkaian perhubungan satelit, ge-

lombang mikro, gentian optik dan teknologi digital adalah keperluan asas dan utama bagi sesebuah negara yang pesat membangun dalam sektor perniagaan dan perindustrian.

"Ini amat penting kerana pembangunan rangkaian telekomunikasi akan memberi kesan positif dari segi fungsinya sebagai nadi pembangunan negara. Ini adalah prasyarat penting bagi negara untuk lebih maju dan berkembang selaras kemajuan di bidang lain," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, keperluan asas pembangunan di luar bandar turut menjadi satu perkara yang mesti dilihat secara lebih serius bagi memastikan segala kemudahan tidak diabaikan.